



## 'Big Cleaning Day' pupuk kesedaran warga kampus mengenai kebersihan

Dalam meningkatkan kesedaran mengenai kebersihan di persekitaran kampus, Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Program Hari Pembersihan yang dirasmikan oleh Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim di Bukit Gambang Resort bersempena Hari Kualiti dan Inovasi UMP 2013 pada 6 Jun 2013 yang lalu.

Menurut Dato' Dr. Daing, penganjuran buat julung kali ini merupakan langkah terbaik dalam memberi pendedahan dan menyemai minat di kalangan warga kampus terhadap kebersihan dan keceriaan di ruang tempat kerja mahupun di sekitar kampus.

Secara tidak langsung, dengan program ini membantu UMP mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal.

Manakala Pengerusi Jawatankuasa Induk Amalan 5S UMP, Kartina Johan yang merupakan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berkata, Hari Pembersihan atau *Big Cleaning Day* (BCD) merupakan satu program yang

lazim dilaksanakan oleh organisasi yang mengamalkan 5S.

"Fokus utama program ini adalah berkonsepkan "*seiri*" iaitu membuat pengasingan dan perupusan barang yang tidak perlu di tempat kerja.

"Antara pengisian BCD adalah program kitar semula atau lebih sinonim disebut 3R iaitu *Recycle*, *Reduce* dan *Reuse* bagi memastikan pembudayaan persekitaran hijau dapat diterapkan dalam kalangan warga UMP," katanya.

Menurut beliau, penglibatan semua staf amat dituntut dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.

Tambah beliau, sebagai permulaan langkah bemula dengan mengenal pasti bahan yang tidak digunakan, rosak ataupun tidak diperlukan.

Tag kuning telah diperkenalkan untuk diletakkan pada barang-barang yang masih boleh digunakan seperti perabot dan lain-lain.

"Manakala tag merah pula akan ditandakan pada barang-barang yang telah rosak serta yang tidak boleh dibaiki lagi.

"Kemudiannya, setiap jabatan akan mendaftarkan barang yang bertag kuning dan bertag merah. Barangan yang bertag kuning akan ditawarkan kepada lain-lain jabatan yang memerlukan barang tersebut, katanya".

Kata Kartina, program ini boleh menjimatkan kos perbelanjaan seterusnya menyokong kelestarian kewangan dan menjayakan bidang keberhasilan universiti dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Selain itu, pihaknya turut menganjurkan beberapa pertandingan seperti pengumpulan barang kitar semula bagi kategori terbanyak dan pertandingan keceriaan ruangan sudut 3R di setiap jabatan.

Beliau mengharapkan dengan berlangsungnya program ini nanti dapat mengajak semua warga UMP bersamasama menyokong amalan 5S di universiti serta menjadikannya sebagai amalan dalam mencintai kebersihan.